








PERANGKAAN DEMOGRAFI MALAYSIA SUKU TAHUN PERTAMA 2025



PENDUDUK




KELAHIRAN



KEMATIAN



Perangkaan demografi mengikut suku tahun, 2017-2025p, Malaysia



BILANGAN KELAHIRAN MENURUN 11.5 PERATUS KEPADA 93,500, TERENDAH PERNAH DIREKODKAN

- Jumlah kelahiran hidup merekodkan penurunan sebanyak 11.5 peratus kepada 93,500 kelahiran berbanding 105,613 kelahiran pada suku tahun pertama 2024. Bayi lelaki melebihi bayi perempuan dengan 48,124 kelahiran berbanding 45,376 kelahiran. Nisbah jantina bagi kelahiran hidup ialah 106 lelaki bagi setiap 100 perempuan. Selangor merekodkan bilangan kelahiran hidup tertinggi dengan 18,254 kelahiran (19.5%) manakala kelahiran hidup terendah direkodkan di Wilayah Persekutuan Labuan dengan 278 kelahiran (0.3%). Ibu berumur 30-39 tahun mencatatkan kelahiran hidup tertinggi dengan 49,816 kelahiran (53.3%), diikuti oleh ibu berumur 20-29 tahun (39.3%), 40 tahun dan lebih (6.0%) dan kurang daripada 20 tahun (1.4%). Terdapat tiga kelahiran yang direkodkan oleh ibu berumur 55 tahun dan lebih.
- Dari segi etnik, Melayu menyumbang 68.8 peratus (64,326 kelahiran hidup) daripada jumlah kelahiran hidup pada suku tahun pertama 2025 (ST1 2024: 67.5%). Kelahiran hidup bagi Bumiputera Lain meningkat kepada 12.6 peratus berbanding 12.3 peratus pada suku tahun pertama 2024. Sementara itu, etnik Cina dan India masing-masing menurun kepada 8.6 peratus dan 3.8 peratus berbanding 9.6 peratus dan 4.2 peratus pada suku tahun pertama 2024. Bumiputera Lain terdiri daripada Bumiputera Sabah, Bumiputera Sarawak dan Bumiputera Semenanjung Malaysia lain. Bumiputera Sabah menyumbang 58.8 peratus daripada Bumiputera Lain yang terdiri daripada Kadazan/ Dusun (34.5%), Bajau (30.4%), Murut (7.3%) dan Bumiputera Sabah lain (27.8%). Sementara itu, Bumiputera Sarawak merekodkan 34.6 peratus yang terdiri daripada Iban (58.7%), Bidayuh (16.0%), Melanau (12.6%) dan Bumiputera Sarawak lain (12.7%).
- Sebanyak 48,130 kematian telah direkodkan pada suku tahun pertama 2025, menurun 2.0 peratus berbanding suku tahun pertama 2024 (49,117 kematian). Bilangan kematian bagi lelaki adalah 27,533 manakala 20,597 kematian bagi perempuan. Nisbah jantina bagi kematian ialah 134 lelaki bagi setiap 100 perempuan. Selangor merekodkan bilangan kematian tertinggi dengan 7,710 kematian (16.0%) manakala Wilayah Persekutuan Putrajaya merekodkan bilangan kematian terendah dengan 84 kematian (0.2%). Penduduk berumur 60 tahun dan lebih merekodkan bilangan tertinggi dengan 34,468 kematian (71.6%), diikuti 41-59 tahun (19.6%), 15-40 tahun (6.8%) dan 0-14 tahun (1.9%). Terdapat 5.5 peratus kematian bagi penduduk berumur 90 tahun dan lebih.



- Dari segi etnik, Melayu menyumbang 51.7 peratus (24,865 kematian) daripada jumlah kematian (ST1 2024: 51.3%). Kematian bagi Bumiputera Lain meningkat kepada 10.7 peratus berbanding 10.5 peratus pada suku tahun pertama 2024. Sementara itu, etnik Cina dan India masing-masing menurun kepada 26.8 peratus dan 8.4 peratus berbanding 26.9 peratus dan 8.6 peratus pada suku tahun pertama 2024. Bumiputera Sabah menyumbang 51.5 peratus daripada Bumiputera Lain yang terdiri daripada Kadazan/ Dusun (38.4%), Bajau (26.2%), Murut (6.7%) dan Bumiputera Sabah lain (28.7%). Sementara itu, Bumiputera Sarawak merekodkan 42.2 peratus yang terdiri daripada Iban (61.5%), Bidayuh (16.5%), Melanau (11.9%) dan Bumiputera Sarawak lain (10.1%).
- Penduduk Malaysia dianggarkan 34.2 juta berbanding 33.9 juta pada suku tahun pertama 2024 dengan pertumbuhan yang lebih perlahan dengan 0.9 peratus berbanding 2.0 peratus (ST1 2024). Jumlah penduduk terdiri daripada 30.8 juta (90.1%) Warganegara dan 3.4 juta (9.9%) Bukan Warganegara. Penduduk lelaki meningkat kepada 17.9 juta daripada 17.8 juta pada suku tahun pertama 2024 dan penduduk wanita meningkat kepada 16.2 juta daripada 16.1 juta dalam tempoh yang sama. Nisbah jantina keseluruhan penduduk ialah 111 lelaki bagi setiap 100 perempuan manakala nisbah jantina bagi Warganegara ialah 103 lelaki bagi setiap 100 perempuan. Komposisi penduduk tua (65 tahun dan lebih) meningkat daripada 7.6 peratus kepada 7.7 peratus pada suku tahun pertama 2025. Sementara itu, penduduk umur muda (0-14 tahun) merekodkan penurunan daripada 22.3 peratus kepada 22.2 peratus. Penduduk umur bekerja (15-64 tahun) kekal pada 70.1 peratus bagi tempoh yang sama.
- Melayu menyumbang 58.1 peratus daripada jumlah penduduk pada suku tahun pertama 2025 (ST1 2024: 58.0%). Penduduk etnik India menurun kepada 6.5 peratus berbanding 6.6 peratus, sementara Bumiputera Lain dan etnik Cina kekal tidak berubah iaitu masing-masing dengan 12.3 peratus dan 22.4 peratus pada tempoh yang sama. Bumiputera Sabah menyumbang 56.6 peratus daripada Bumiputera Lain yang terdiri daripada Kadazan/ Dusun (31.7%), Bajau (26.5%), Murut (5.1%) dan Bumiputera Sabah lain (36.7%). Sementara itu, Bumiputera Sarawak (32.4%) terdiri daripada Iban (59.1%), Bidayuh (17.1%), Melanau (10.6%) dan Bumiputera Sarawak lain (13.2%).

